

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HGG 453 Pengurusan Sumber

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

1. SAMA ADA

- [a] Dengan merujuk kepada mana-mana dua [2] negara yang anda telah kaji, bincangkan sejauh mana perancangan penggunaan sumber lebih penting dari kewujudan sumber asli itu sendiri dalam pembangunan negara-negara yang dipilih.

[25 markah]

ATAU

- [b] i. Huraikan kepentingan sumber asli kepada ekonomi Brunei dan Singapura.
- ii. Bincangkan persamaan dan perbezaan dalam pengurusan sumber asli di kedua-dua buah negara tersebut.

[10 markah]

[15 markah]

2. Kelemahan teknik Analisis Kos Faedah telah membawa kepada terbentuknya teknik-teknik Penilaian Impak Alam Sekitar dan Penilaian Impak Sosial. Bincangkan.

[25 markah]

3. SAMA ADA

- [a] i. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep pembangunan listari? [10 markah]
- ii. Huraikan konsep asas pembangunan listari dalam Laporan Brundtland yang bertajuk "Our Common Future". [15 markah]

ATAU

- [b] i. Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu jelaskan pertalian di antara konsep keupayaan menampung dengan pembangunan listari. [10 markah]
- ii. Huraikan kepentingan kedua-dua konsep ini dalam perancangan pengurusan sumber asli sesebuah negara. [15 markah]

4. [a] Jelaskan definisi dan jenis sumber tanah yang terdapat dalam Kanun Tanah Negara 1965? [8 markah]
- [b] Bagaimanakah pembahagian kuasa di antara kerajaan negeri dan persekutuan dalam pengurusan sumber tanah mengikut kanun tanah tersebut? [7 markah]
- [c] Secara ringkas huraikan kelas-kelas tanah negara ini dan kepentingannya. [10 markah]

5. Dengan merujuk kepada pembinaan empangan tertentu di Malaysia, bincangkan sejauh mana manfaat ekonomi mengatasi kerugian kemusnahan ekologi kesan pembinaan empangan itu. [25 markah]

6. [a] Huraikan aspek-aspek masyarakat yang perlu diberi pertimbangan dalam memberi pampasan kepada masyarakat yang tersisih dan terlibat disebabkan oleh pembangunan sumber asli. [13 markah]
- [b] Sediakan satu rancangan penempatan semula masyarakat tersebut. [12 markah]